



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN TRENDS IN
SOCIAL SCIENCES
(IJMTSS)
www.ijmtss.com



SUMBANGAN PROFESOR SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS DALAM MENGAGASKAN KONSEP SASTERA ISLAM

THE CONTRIBUTION OF PROFESSOR SYED MUHAMMAD NAQUIB AL ATTAS IN THE CONVEYING OF THE CONCEPT OF ISLAMIC LITERATURE

Adli Yaacob ¹

¹ Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.
Email: adlihy@iium.edu.my

Article Info:

Article history:

Received date: 25.10.2021

Revised date: 15.11.2021

Accepted date: 10.12.2021

Published date: 31.12.2021

To cite this document:

Yaacob, A. (2021). Sumbangan Profesor Syed Muhammad Naquib Al-Attas Dalam Mengagaskan Konsep Sastera Islam. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 4 (18), 84-99.

DOI: 10.35631/IJMTSS.418008

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas merupakan seorang intelektual yang berwibawa. Banyak idea ideanya mempengaruhi para ilmuwan di Malaysia dan dunia luar. Beliau merupakan tokoh penting yang mencetuskan idea 'islamisasi' disamping Syed Qutb dan Ismail al-Faruqi. Kajian ini, menjelaskan tentang mencari makna 'al-adab' (faham al-Adab) dalam menentukan teori dan konsep sastera Islam. Mauduk ini berkaitan rapat dengan idea 'Islamisasi' yang heboh di bicarakan. Apabila idea Islamisasi diutarakan ada pihak menerima dan ada yang menolak. Banyak pihak boleh menerima islamisasi dalam bidang pendidikan, ekonomi, undang undang dan sebagainya tetapi tidak dalam bidang sastera. Ini kerana sastera adalah sesuatu yang berkaitan dengan khayalan. Apa mungkin khayalan di 'Islamisasi' kan? Kajian ini menjelaskan tentang konsep sastera Islam yang dipaksakan atas dasar 'al-haq' (kebenaran) yang sebenar tidak seperti agama agama lain khususnya Kristian sebagai agama samawi yang mempunyai pengikut terbanyak dunia. 'Al Haq' inilah yang menumbuhkan kebudayaan dalam Islam. Dasar dan ajaran Islam masih suci dan kekal sebagai amanah dari Allah swt, tidak seperti agama Kristian yang telah diubah sehingga hilang sifat 'otentik' nya sebagai agama dari Allah swt. Jesteru hanya kebenaran dapat menghasilkan kebenaran dan hidayah. Sesuatu yang palsu mustahil dapat menghasilkan kebenaran yang sebenar yang mempunyai kaitan kerohanian dengan pencipta, kerana Allah swt hanya menerima yang benar dan ikhlas sahaja dalam urusan agamanya.

¹ Profesor Madya Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemansiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Kata Kunci:

Konsep Sastra Islam, Al-Haq (Kebenaran), Islamisasi, Hakikat Beragama, Sastra, Karya, Pemikiran

Abstract:

Professor Syed Muhammad Naquib al-Attas is a reliable intellectual. Many of his ideas influenced intellectuals in Malaysia and the outside world. He was an important figure who sparked the idea of 'Islamization' in addition to Syed Qutb and Ismail al-Faruqi. This study explains about finding the meaning of 'al-adab' (understand al-Adab) in determining the theory and concept of Islamic literature. When the idea of Islamization is expressed, some people accept it and some reject it. Many parties can accept Islamization in the fields of education, economics, law and so on but not in the field of literature. This is because literature is something related to delusion. Is it possible to have an illusion in 'Islamization'? This study explains the concept of Islamic literature based on the true 'al-haq' (truth) unlike other religions, especially Christianity as a divine religion with the world's largest followers. It is 'Al Haq' that cultivates culture in Islam. The principles and teachings of Islam are still pure and remain as a trust from Allah swt, unlike Christianity which has been changed to lose its 'authentic' nature as a religion from Allah swt. Thus only truth can produce truth and guidance. Something that is false is impossible to produce the genuine truth that has a spiritual connection with the creator, because Allah swt only accepts the truth and sincere in his religious affairs.

Keywords:

Islamic Literature Concept, Al-Haq (Truth), Islamization, Religious Truth, Literature, Work, Thoughts

Pendahuluan

Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas² merupakan seorang personaliti intelektual Melayu yang mempunyai peranan yang besar dalam dunia keilmuan di Alam Melayu secara khusus

² Syed Muhammad Naquib Al-Attas adalah seorang cendekiawan Islam yang berasal dari Malaysia. Beliau dilahirkan pada 5 September 1931 di Bogor, Indonesia. Beliau menguasai teologi, filsafat, metafisika, sejarah, dan kesusasteraan Islam. Beliau juga menulis berbagai buku di bidang pemikiran dan peradaban Islam, khususnya tentang sufisme, kosmologi, filsafat, dan kesusasteraan Malaysia. Beliau juga merupakan Profesor Universiti dalam Pemikiran dan Tamadun Islam serta Pengasas Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam serta Penyanggah Kerusi Ternama al-Ghazali dalam Pemikiran Islam. Moyang al-Attas berasal dari Hadramaut (keturunan Arab Yaman). Ibunya dari keturunan Sunda, yang menyebabkan beliau memperoleh pendidikan Islam disini. Sementara dari sebelah ayahnya, beliau mendapat pendidikan kesusasteraan, bahasa, dan budaya Melayu. Ayahnya berasal dari keturunan bangsawan Johor, membuatkan al-Attas memberi banyak perhatian tentang budaya Melayu sejak muda. Kedua orang tuanya ingin beliau sejak kecil mendalami ilmu di negeri jiran, Malaysia. Lantaran itu, sejak usia 5 tahun, beliau telah dihantar ke Malaysia. Beliau memulakan pendidikan awalnya di Ngee Heng Primary School. Apabila, Jepun menduduki Malaya pada pertengahan tahun 40-an, Naquib kembali ke Indonesia dan melanjutkan pendidikan menengahnya di Madrasah 'Urwatul Wusqa, Sukabumi. Setelah tamat persekolahannya beliau kembali semula ke Malaysia. Kemudian, beliau sempat menimba ilmu dalam bidang ketenteraan di Royal Military Academy, Inggeris. Pada tahun 1957, beliau keluar daripada akademi tentera dan melanjutkan pelajarannya di University Malaya. Setelah itu, beliau melanjutkan pengajiannya dalam bidang pengajian Islam di McGill University, Montreal, Kanada sehingga mendapat Ijazah Sarjana dengan tesis bertajuk "Raniri and the Wujudiyah of 17th Century Aceh". Manakala bagi Ijazah Doktorinya diperolehi di School of

dan dunia secara amnya (terutamanya dunia Islam). Beliau yang dilihat sebagai antara pelopor sastera Melayu kurun ke-21 ini banyak mencetuskan idea-idea yang jitu dan bernas mengenai konsep Islam, sejarah serta budaya ilmu. Tidak hairanlah karya tulisan beliau sering menjadi tumpuan dan rujukan kepada ilmuwan dan cendekiawan yang lain. Peranan kesusasteraan yang mencorak kehidupan dan peradaban manusia khususnya dalam dunia keilmuan merupakan topik yang bersifat 'vital' apabila diutarakan dan dibicarakan al-Attas. Secara umumnya, sentuhan beliau tentang sastera dan konsep kesusasteraan Islam ini diterjemahkan di dalam bukunya "Risalah" di samping beberapa karyanya yang lain, samada secara langsung atau tidak. Ini kerana, pada al-Attas soal kefahaman tentang *adab*, *pendidikan*, *ilmu*, *akhlak*, *kejayaan (al-Falah)*, *amanah*, *falsafah sastera*, *idea dan pemikiran* perlu dibicarakan secara bersama dan mempunyai kaitan antara satu sama lain, berbeza mengikut persepsi sekuler. Didalam bukunya "Islam and Secularism, Concluding Postscript To The Origin of The Malay Sha'ir, Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu, tesis doktor falsafahnya tentang Hamzah al-Fansuri, turut membicarakan secara langsung tentang contoh isi dan bentuk permulaan sastera Melayu moden, sekaligus secara keseluruhan mencerminkan wajah serta konsep sastera Islam.³⁴

Sumbangan

Al-Attas telah menyumbang tiga di antara penemuan ilmiah terpenting di Dunia Islam yang sangat berpotensi mempengaruhi perjalanan kehidupan umat Islam secara mendalam dan

Oriental and Africa Studies, University of London pada tahun (1965) kajian tentang dunia mistik [Hamzah Fansuri](#). Selepas sempurna pengajiannya, beliau kembali ke Malaysia dan pernah memegang beberapa jawatan penting seperti Ketua Jurusan Kajian Melayu, University Malaya (UM). Al-Attas sempat menjadi perhatian khalayak intelektual Malaysia dan mendapat tentangan keras beberapa kalangan pemimpin ketika beliau mengusulkan agar bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi pengantar di sekolah kerana pada ketika itu bahasa rasmi pengantar adalah Bahasa Inggeris. Beliau juga menentang keras penghapusan pengajaran bahasa Melayu-Jawi (yang ditulis dengan huruf Arab) di sekolah-sekolah peringkat rendah dan menengah. Al-Attas memang memberi perhatian besar pada bahasa dan budaya Melayu kerana beliau mahu melihat masyarakat Melayu benar-benar terdidik sehingga tidak menjadi ikutan penjajahan budaya dunia Barat. Pada tahun 1987, Al-Attas mendirikan sebuah institusi pendidikan tinggi yang diberi nama [International Institute of Islamic Thought and Civilization \(ISTAC\)](#) di [Kuala Lumpur](#). Melalui institusi ini al-Attas bersama sejumlah tenaga pengajar dan mahasiswanya melakukan kajian dan penelitian mengenai Pemikiran dan Peradaban Islam, serta memberikan maklumbalas dengan penuh kritikan terhadap [Peradaban Barat](#).

³ id.wikipedia.org/wiki/Syed_Muhammad_Naquib_al-Attas)

⁴ Di antara karya dan penulisan Syed Muhammad Naquib al-Attas adalah seperti: (1970) the Correct Date of the Terengganu Inscription, Kuala Lumpur Museum Department. (1975) Comments on the Re-Examination of Al-Raniri's Hujjat au'l Siddiq: A Refutation, Kuala Lumpur Museum Department. (1978) Islam and Secularism yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, Turki, Farsi, Urdu, Hindi, Indonesia dan Bosnia. (1980) The Concept of Education in Islam yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Arab, Turki, Farsi, Indonesia dan Bosnia. (1988) The Oldest Known Malay Manuscript: A 16th Century Malay Translation of the 'Aqa'id of al-Nasafi. (1989) Islam and the Philosophy of Science, Kuala Lumpur: ISTAC, (2001). (1990) The Nature of Man and the Psychology of the Human Soul yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Farsi. (1990) On Quiddity and Essence. (1990) The Intuition of Existence. (1992) The Concept of Religion and the Foundation of Ethics and Morality. (1993) The Meaning and Experience of Happiness in Islam diterjemahkan dalam bahasa Arab, Turki, Jerman, Itali. (1994) The Degrees of Existence. (1995) Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam.

menyeluruh. Sumbangan besar al-Attas ini ialah: **Pertama**, bahawa masalah terpenting yang dihadapi oleh umat Islam kini ialah masalah ilmu pengetahuan; **kedua**, ilmu pengetahuan moden tidak neutral kerana dipengaruhi oleh pandangan keagamaan, kebudayaan, dan falsafah, yang mencerminkan kesedaran dan pengalaman manusia Barat; dan **ketiga**, umat Islam, oleh sebab itu, perlu mengislamkan ilmu pengetahuan masa ini dengan mengislamkan simbol-simbol linguistik tentang hakikat dan kebenaran. Penemuan ini sangat berguna untuk mengatasi kekeliruan intelektual yang berpanjangan, tanpa perlu kehilangan keaslian nilai keagamaan dan kebudayaan dan tidak pula mengetepikan apa-apa yang baik dan berguna daripada sumber-sumber pemikiran dan kebudayaan lain⁵.

Al-Attas juga menjelaskan bahawa mendefinisikan ilmu secara *hadd* adalah mustahil, ilmu hanya dapat didefinisikan dengan tepat secara *rasm* (deskriptif). Dalam hal ini, beliau mengetengahkan definisi yang diberikan oleh al-Tahanawi (*Kashshaf I'itilafat al-Funun*) dan al-Jurjani (*Kitab al-Ta'rifat*) dan menolak pandangan ulama lain yang menggunakan pendekatan *hadd* dalam pendefinisian mereka⁶. Bagi al-Attas ilmu adalah kepercayaan yang benar (keyakinan), ia adalah satu aspek daripada keupayaan spiritual manusia. Oleh itu, ilmu adalah iman dan kebenaran kerana ia melibatkan penegasan spiritual dan pengesahan fizik. Lebih menarik lagi beliau mengatakan Ilmu adalah kesatuan antara orang yang mengetahui dengan makna. Kesatuan ini hanya dapat berlaku apabila seseorang yang memiliki potensi juga memiliki persiapan intelektual dan spiritual. Maka dari itu, atas dasar bahawa ilmu adalah pemberian Allah kepada sesiapa yang dipilih-Nya, walaupun ramai manusia yang berpotensi tetapi sedikit yang dianugerahkan ilmu yang betul.⁷

Selain itu, beliau memberikan kita gambaran yang jelas bahawa pencarian ilmu bukan sekadar pengumpulan maklumat dan fakta. Apa yang penting adalah kefahaman dan kesedaran yang dicapai oleh jiwa atau hati nurani seseorang. Sehingga ilmu yang diperolehinya dapat memberi manfaat kepadanya supaya menjadi pelita yang menerangi kehidupannya. Dengan memahami hakikat ilmu seperti ini maka akan terungkailah kemusykilan mengenai wujudnya segolongan pemegang ijazah yang tinggi hatta dalam pengajian Islam tetapi tidak membawanya kepada hidayah dan jalan yang lurus. Masyarakat memandang golongan ini sebagai ilmuwan, tetapi pada hakikatnya mereka tidak lebih dari sekadar pengumpul maklumat. Berlawanan dengan kecenderungan falsafah Barat dan golongan moden dan liberal, bagi al-Attas, objek ilmu, bukanlah khayalan manusia, ia benar-benar wujud, berdiri sendiri. Ia disebut *haqiqah* dan *huwiyah* sekaligus. Untuk memiliki makna yang benar makna yang diperoleh harus sepadu dengan unit-unit konsep lainnya yang terdapat dalam sistem konseptual al-Qur'an. Di sinilah pentingnya seseorang yang ingin memahami hakikat sesuatu mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap al-Qur'an.⁸

Dewasa ini, lazimnya diketahui bahawa salah satu kemunduran umat Islam adalah dalam bidang pendidikan. Dari konsep ta'dib seperti dijelaskan di atas, akan ditemukan masalah mendasar kemunduran pendidikan umat Islam. Masalah itu tidak berhubungkait dengan masalah buta huruf, melainkan berkait rapat dengan ilmu pengetahuan yang disalahertikan,

⁵ Wan Mohd Nor Wan Daud, 1995, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*, Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur, p259.

⁶ Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2001, *Risalah untuk Kaum Muslimin*, ISTAC (International Institute of Islamic Thought and Civilization): Kuala Lumpur, p85.

⁷ (www.khairaummah.com).

⁸ Ibid

bertumpang tindih, atau diporakporandakan oleh pandangan hidup sekular (Barat). Pada sudut yang lain, al-Attas berpendapat bahawa untuk penanaman nilai-nilai spiritual, termasuk spiritual intelligent dalam pendidikan Islam, ia menekankan pentingnya pengajaran ilmu fardhu ain. Yakni, ilmu pengetahuan yang menekankan dimensi ketuhanan, intensifikasi hubungan manusia-Tuhan dan manusia-manusia, serta nilai-nilai moralitas lainnya yang membentuk cara pandangan murid terhadap kehidupan dan alam semesta. Al-Attas berpandangan, adanya dikotomi ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah yang tidak perlu diperdebatkan. Tetapi, pembahagian tersebut harus dipandang dalam perspektif integral atau tauhid, yakni ilmu fardhu ain sebagai asas dan rujukan bagi ilmu fardhu kifayah⁹.

Selain itu, pengaruh pemikiran al-Attas terhadap pemikiran Islam masa kini cukup besar, di Malaysia khususnya beliau telah berjasa dalam menggembleng generasi muda yang kini sangat berpengaruh seperti ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia), GAPIM (Gabungan Penulis Islam Malaysia), dan ASASI (Akademi Sains Islam Malaysia). Beliau juga adalah pengasas dan penggubal konsep keislaman di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bahkan mereka bentuk logo UKM. Beliau menjelaskan bahawa perlambangan yang direka bentuknya mencerminkan pemahamannya yang mendalam terhadap kebudayaan Melayu, falsafah Islam dan tradisi keagamaan. Beliau juga yang mengusahakan terbentuknya Fakulti Pengajian Islam sebelum menubuhkan dan mengetuai IBKKM (Institut Bahasa, Kesusasteraan, dan Kebudayaan Melayu) yang pada hari ini telah bertukar menjadi ATMA (Institut Alam dan Tamadun Melayu), (Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1995: 268). Pengaruh al-Attas terhadap tokoh-tokoh masyarakat hari ini juga amat besar. Penglibatan al-Attas dalam pendidikan negara di peringkat pengajian tinggi, bahkan sumbangan beliau dalam mengasaskan banyak institusi dalam universiti tempatan pada peringkat awal penubuhannya tentu dengan sendirinya mengangkat beliau sebagai Guru Bangsa. Ini dapat dilihat dengan baik apabila kita selidik kembali tokoh-tokoh ilmuwan yang muncul sekarang kebanyakannya adalah bekas murid al-Attas. Khususnya ilmuwan yang berkecimpung dalam bidang pemikiran Islam dan pengajian Melayu. Antara Tokoh-tokoh terkenal hari ini seperti Dato' Dr. Siddiq Fadzil, Prof. Dr. Osman Bakar, Dr. Muhammad Zainiy Uthman, Dr. Mohd Zaidy Ismail (Ikim), Dr. Mohd Sani Ismail (Ikim), Dr. Farid Shahrani (Ikim), yang merupakan bekas murid beliau¹⁰.

Definasi Kesusasteraan Islam

Al-Attas, mendefinisikan kesusasteraan sebagai: “cita-cita mulia yang bermaksud untuk memupuk ketertiban budi; ia juga merupakan nilai abadi, sebahagian penting kebudayaan sesuatu bangsa, ukuran benar bagi menilai citarasa, budi, dan daya bangsa; ia merupakan falsafah orang awam¹¹.

Konsep yang cuba ditampilkan oleh al-Attas cukup menarik apabila beliau telah mengupas peranan sastera dalam masyarakat secara umum kemudian menyusuri peranan Islam dalam mempengaruhi kesusasteraan tersebut. Mengikutnya lagi, sebelum timbulnya para failasuf (ahli falsafah), kesusasteraan dianggap sebagai sumber ilmu dan hikmat yang menyimpan rahsia nasib dan maut serta menyimpan rahsia para dewa. Apabila timbulnya ahli fikir dan ahli falsafah maka kedudukannya telah diambil alih oleh golongan ahli fikir dan falsafah.

⁹ <http://apit.wordpress.com/2006/07/26/syed-naquib-al-attas-megaprojek-islamisasi-peradaban/>

¹⁰ Wan Mohd. Nor Wan Daud, 1995, *passim*, p15.

¹¹ Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2001, *passim*, p111.

Kedudukan ahli sastera seperti penyair dapat diibaratkan sebagai ahli falsafah dan ahli fikir sebelum timbulnya pemikiran falsafah secara meluas. Para penyair yang memiliki kebolehan berbahasa dengan segera mendakwa bahawa mereka mendapat ilham dari Tuhan dan peranan mereka adalah mentafsirkan segala maksud ilham tersebut melalui sastera yang indah. Justeru itu, peranan mereka dianggap penting dan cukup berpengaruh dalam hal-hal kepercayaan dan agama. Kemunculan ahli falsafah bagi merencanakan satu pengaruh baru dalam masyarakat hingga golongan penyair yang bijak berbahasa ini telah disingkirkan serta digulingkan dalam masyarakat. Atas dasar keilmuan yang tinggi, ahli falsafah telah menetapkan satu 'standard' puisi yang lebih bernilai. Bersandarkan kepada asas, matlamat, serta arah tuju yang jelas tentang sesuatu puisi itu, ahli falsafah ingin melihat sastera sebagai satu tunjang ilmu yang begitu tinggi nilainya di mata masyarakat. Dalam erti kata lain, ahli falsafah telah menetapkan bahawa puisi perlu diasaskan dengan nilai 'aqliyah yang tinggi di samping memiliki unsur-unsur kebaikan serta mensyaratkan bahawa puisi itu perlu menyatakan kebenaran, harus suci dari keburukan, menampilkan susunan tertib pada kandungan dan bentuknya. Tidak cukup dengan itu, nilai estetik sesuatu puisi itu perlu dilihat dari segi keseimbangan, kesaksamaan serta ketegasan makna. Justeru itu dapat difahami bahawa, kehadiran ahli falsafah bukan merupakan penentang kepada penyair serta karyanya tetapi sebaliknya golongan ini memberi peranan baru kepada puisi bagi menjulang nilai keindahannya di sisi masyarakat. Saranan dari lidah para ahli falsafah ini telah memberi suntikan baru dalam dunia sastera melayu yang mana sesetengahnya telah tampil sebagai sasterawan dengan menampilkan puisi dengan unsur-unsur yang baru dan mempunyai nilai 'aqliyah dan kebenaran untuk dimanfaatkan oleh masyarakat. Dalam erti kata lain ahli falsafah telah memberi wajah baru kepada sastera apabila mereka telah mengambil tempat penyair dan memberi pengertian baru kepada sastera melalui nilai kebenaran dan nilai 'aqliyah. Unsur tragis juga telah ditetapkan dengan meletakkan kemuncak kemurnian sesuatu puisi itu adalah merupakan suatu tragedi. Ini kerana tragedi melakonkan hakikat kehidupan manusia yang akhirnya membayangkan keluhuran sifat kemanusiaan. Mengikut tanggapan mereka, tragedi yang diterjemahkan melalui puisi-puisi ini dapat melawaskan hati dari kerisauan yang dilalui dalam hidup seseorang.

Kelawasan hati dari kerisauan ini digelar "Catharis" diambil dari bahasa Yunani "Katharos" dan "Katharthikos" yang bermaksud pembersihan atau penyucian¹². Dalam erti kata yang lain, sastera pada peringkat awalnya bertujuan untuk membawa mesej kebenaran dan membentuk kemuliaan diri ternyata berjaya membawa satu lagi unsur iaitu unsur tragedi yang terkandung di dalamnya, supaya diteladani oleh masyarakat.

Seiring dengan revolusi yang berlaku pada zaman pertengahan di Eropah, peranan sastera turut mengalami sedikit perubahan apabila unsur-unsur yang bersifat 'aqliyah dan 'amaliah ditekankan sebagai unsur-unsur yang wajib bagi puisi. Peranan sastera juga pada ketika itu sekadar mengikut gelombang senario masyarakat terutama kehendak politik yang menerima begitu kuat pengaruh rasionalisme Barat dalam puisi sekitar abad ke-18. Impak yang diterima akibat terlalu mempertahankan kebebasan bentuk-bentuk seni, maka merebaknya fahaman seni dalam masyarakat. Apabila menjelmanya fahaman socialisme, konsep seni untuk masyarakat pula telah mendapat perhatian yang begitu ketara dalam masyarakat Barat. Sastera kebudayaan Barat hanyalah bertujuan untuk mengisi rasa sunyi dengan menampilkan tragedi yang bersandarkan falsafah dan kesenian. Sebaliknya dalam Islam, kunci ketenangan dan melepaskan kesunyian itu adalah dengan memiliki iman. Iman bertindak sebagai penyubur hati yang gersang serta penghibur bagi hati yang sunyi. Sastera Islam tidak bersandarkan karya

¹² Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2001, *passim*, p113.

sebagai hanya nilai seni, tetapi ia menjulang nilai kesusasteraan yang mengandung mesej yang perlu diteladani oleh setiap lapisan masyarakat.

Al-Attas menegaskan bahawa istilah ‘sastera’ dalam Bahasa Arab disebut al-adab (الأدب) atau subjek yang berkaitan dengan sastera disebut (الأدبيات). Justeru itu, beliau berpendapat bahawa “sastera” perlu merujuk kepada makna “al-adab” itu sendiri. Al-adab mengikut pemahaman beliau ialah gabungan di antara ilmu dan amal. Ilmu adalah “pengenalan” sementara amal ialah “pengakuan” yang saling kait-mengait di antara satu sama lain. Ilmu tanpa amal adalah sia-sia, maka begitu juga sebaliknya. Seterusnya, ilmu dan amal ini perlu disandarkan kepada “al-haq” iaitu kebenaran. Menurut beliau, kebenaran ialah “sesuatu yang benar yang sesuai dengan keperluan keadilan, ia juga sesuatu yang benar yang sesuai dengan keperluan ilmu dan hikmat¹³. Oleh yang demikian, al-adab lahir dari gabungan ilmu dan amal yang berasaskan kepada al-haq (kebenaran).

Seterusnya konsep “faham adab” ini dibahagikan kepada lima bahagian. Pertama “adab” dirujuk kepada hubungan dengan insan. Ia membawa maksud kesusilaan akhlaqiah yang menuntut manusia berperangai mengikut susunan berperingkat darjat yang terencana, umpamanya dalam keluarga, masyarakat, dan pelbagai corak pergaulan. Kedua “adab” dirujuk kepada “alam ilmi”. Ia bermaksud meletakkan tahap dan kedudukan ilmu dalam hirarkinya yang khusus, umpamanya; kedudukan ilmu wahyu yang dimartabatkan sebagai ilmu tertinggi, kemudian diikuti ilmu dari sumber aqal dari yang bersifat fardhu ‘ain kepada yang bersifat fardhu kifayah, kemudian dari yang bersifat hidayah kepada kehidupan, kepada yang bersifat amali. Ringkasnya, adab terhadap ilmu ialah mengenali serta mengakui tahap keutamaan dalam hirarki ilmu. Ketiga konsep “adab” yang memunyai hubungan dengan alam tabii. Ia membawa maksud menggunakan alam tabii berdasarkan ketertiban aqal sesuai dengan kehendak alam sekitar, sehingga dapat melakukan pertimbangan yang saksama dalam usaha untuk meletakkan nilai serta kegunaan tiap sesuatu pada hakikatnya masing-masing. Maksud pertimbangan yang saksama dan adil disini ialah mengikut ketetapan Allah di dalam mengatur alam tabii untuk manfaat manusia zahir dan batin. Situasi ini dapat digambarkan konsep “adab” boleh disifatkan sebagai mesra alam hingga mewujudkan satu hubungan harmoni antara adab dan alam sekitar. Keempat “adab” yang dirujuk kepada “alam rohani”. Ia bermaksud penglibatan ilmu dan amalan di dalam tindakan seseorang yang mengatasi batas pemikiran manusia. berdasarkan amalan dan ilmu itu, seseorang itu mampu mengenal dan memberi keutamaan kepada amal ibadah di sisi Islam berdasarkan ketertiban rohani demi untuk menyerahkan diri jasmaninya kepada Allah Yang Maha Agung. Kelima “adab” yang merujuk kepada bahasa. Ia bermaksud meletakkan kedudukan tiap kata pada keperluan maksud dalam kalimah atau dalam pertuturan sehingga tidak membawa kepada kejanggalan makna, bunyi dan kefahaman, sehingga masing-masing diletakkan di tempatnya yang sesuai bertepatan dengan keperluan makna¹⁴.

Adab melibatkan tatacara kehidupan manusia yang memerlukan penglibatan insan, alam tabii, alam ilmu, alam rohani dan bahasa. Perantara kepada lima hubungan yang dijalinan dengan konsep faham adab tadi adalah pendidikan yang berfungsi mencernakan maksud adab iaitu penyerapan makna dalam diri seseorang. Justeru, individu yang bergelar sasterawan (adib) ialah apabila seseorang itu begitu sehati dengan pendidikan yang tercerna dalam dirinya berkenaan sesuatu topik atau lapangan ilmu sehingga dia menterjemahkan ilmunya dengan

¹³ Ibid, p119.

¹⁴ Ibid, pp120-121.

penyumbang tanggungjawab dan kesedaran yang tinggi. Citra hati nurani yang dijalinan bersama akal budi manusia akan melahirkan suatu karya yang indah serta memberi satu kesan yang positif melalui karyanya itu. Sasterawan dalam erti kata yang sebenar ialah golongan yang mampu mendidik diri dan masyarakat sehingga dapat mengangkat martabat manusia liar yang rendah tarafnya kepada taraf insan adabi (iaitu manusia yang beradab) yang tinggi martabatnya. Secara ringkasnya, kesusasteraan (adab) mempunyai tujuan serta tugas yang seiring dengan pendidikan. Ini kerana ia mendidik manusia melalui bahasa yang luhur dan indah di samping memberi nilai dan pengajaran kepada manusia.

Seterusnya, al-Attas mengaitkan perkataan “kesusasteraan” dengan istilah “persuratan” yang mana kata dasar bagi perkataan ini ialah “surat”. Perkataan “surat” ini ada kaitan dengan perkataan “surah” di dalam Al-Quran al-Karim. Dalam pengertian melayu, “surat” bermaksud “huruf-huruf yang tertulis”. Oleh yang demikian, persuratan merupakan satu gerak kerja penulisan manusia¹⁵. Beliau mengumpamakan alam buana ini seperti kitab al-Quran al-Karim. Alam buana ini tidak ubah seperti kitab yang terbuka, yang mana maksud di sebalik penciptaan Allah ini hanya boleh dimengertikan oleh manusia yang mempunyai hikmah, ilmu, serta tilikan batin. Begitu juga halnya dengan Al-Quran al-Karim yang hanya difahami oleh orang yang mempunyai ilmu. Pandangan ini turut memaksa beliau menghurai bagaimana konsep “makna” dari alam buana dan al-Quran difahami. Beliau menjelaskan bahawa, huruf-huruf adalah objek dan yang melahirkan bunyi di dalam al-Quran itu adalah ‘tanda’ dan ianya bukanlah ilmu. Peranan huruf-huruf dan bunyi ini cumalah mengisyaratkan makna, dan ilmu itu terkandung di sebalik makna yang hanya difahami oleh orang yang berilmu. Begitu juga halnya dengan alam buana ini. Benda-benda yang wujud ini hanyalah ‘tanda’ yang mengisyaratkan makna kepada kewujudannya, sedangkan makna atau falsafah terhadap kewujudannya itu hanya dapat difahami oleh mereka yang berpengalaman¹⁶. Maka, pengalaman ialah penyerapan (pemahaman) makna dalam diri seseorang dan ia merupakan saluran utama bagi perolehan ilmu.

Berdasarkan kepada penegasan ini, beliau mengkritik sesetengah ahli linguistik yang mementingkan pengkajian bunyi dan huruf tetapi mengabaikan aspek makna. Apa yang penting terhadap mana-mana prosa atau sesuatu puisi itu ialah makna atau falsafah yang tersirat dan tersurat, bukan unsur-unsur sampingan yang tidak memberikan apa-apa kesan terhadap sesuatu karya. Islam menggariskan kepentingan memahami sesuatu makna sebagai satu perkara yang tidak boleh dipisahkan dengan ilmu. Oleh itu, sastera yang menyimpang dari pembawaan makna sebaliknya menekankan soal-soal luaran yang berkaitan dengan unsur-unsur pemujaan nafsu, perasaan dan menyimpang dari teras akhlaq, serta kesenian yang mementingkan rupa dan bentuk adalah bercanggah dengan konsep dan kefahaman Islam. Terdapat beberapa aliran yang muncul di Barat yang cuba menolak aspek makna dalam karya seni, sebaliknya menekankan persoalan yang berkaitan dengan bentuk luaran. Aliran ini seperti yang dipelopori oleh Mazhab Simbolisme (مذهب الرمزية).

Dalam Islam soal makna ini amat ditekankan sehinggakan “bahasa” bukan hanya difahami dengan akal (reason) semata-mata tetapi sebaliknya ia juga difahami dengan hati (spiritual concern) (tafsiran rohani). Justeru itu, dalam tradisi Islam didapati banyak sekali tafsiran Al-Quran yang mengandungi dan menekankan tafsiran rohani (sufi).

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid, p122.

Bagaimana Kesusasteraan (Persuratan) Islam Terbentuk

Kesusasteraan atau persuratan merupakan sebahagian besar dari kesan kebudayaan. Ini dapat dilihat melalui kepelbagaian budaya bangsa dan agama yang mengangkat imej kesusasteraan dan persuratan yang berbeza antara satu sama lain. Hal ini ada dijelaskan oleh Prof al-Attas yang mana beliau menyebut bahawa “kesusasteraan dan persuratan itu merupakan sebahagian besar kenyataan kebudayaan”¹⁷. Persoalannya, bagaimana kebudayaan ini terbentuk? Dan adakah pembentukan budaya ini mendapat acuan yang sama dengan kebudayaan lain khususnya kebudayaan Barat?

Apabila membicarakan topik “kebudayaan”, al-Attas dengan jelas menerangkan bahawa perbezaan di antara kebudayaan Islam dan kebudayaan Kristian amat ketara kerana asas dalam pembentukan kedua-dua kebudayaan ini telah berbeza sejak permulaan lagi meskipun kedua-duanya merupakan agama Samawi. Terdapat beberapa kenyataan yang dijelaskan oleh al-Attas tentang hakikat agama Kristian, yang menjadi penyumbang terbesar terhadap pembinaan kebudayaan Barat.

Pertama

Penggunaan lambang salib yang begitu sinonim dengan agama Kristian sendiri telah menimbulkan kesamaran terhadap penganutnya. Jesteru itu, telah timbul persoalan, adakah Nabi Isa a.s menggunakan lambang ini? Yang pastinya, persoalan begini sudah cukup merintis segala keraguan penganutnya terhadap aspek-aspek yang lain. Pada hakikatnya kecelaruan ini dicipta sendiri oleh pendokong-pendokong ajaran Isa yang muncul selepas itu serta begitu taksub dengan kredibiliti Isa hingga sanggup mengada-adakan sesuatu perkara yang mampu meletakkan agama kristian sebagai agama yang dihormati. Lambang salib pada hari ini tidak ubah seperti symbolism ciptaan mereka sendiri bagi menampilkan identiti agama Kristian.

Kedua

Keraguan yang terus bermain di dalam hati penganutnya adalah mengenai nama gelaran “Kristian” diberikan oleh orang lain yang menentangnya. Nama ini merujuk kepada “Christ” iaitu nama Nabi Isa a.s dalam Bahasa Inggeris, manakala istilah Christian asalnya pula digelar oleh penentang Nabi Isa a.s kepada pengikut Nabi Isa a.s, yang akhirnya gelaran ini sebatu dalam ajaran Kristian dan penganut-penganutnya. Sebagaimana yang kita maklum, mana mungkin agama yang menjadi mercu tertinggi bagi kepercayaan sesuatu kaum itu dilabelkan oleh penentangnya. **Ketiga:** Cara melaksanakan sembahyang dan ibadah-ibadah lainnya dalam agama Kristian tidak dapat diakui oleh pendokong atau penganutnya sebagai Sunnah Nabi Isa a.s. Ini kerana, agama Kristian telah menjadi begitu “flexible” untuk diambil, direka, kemudian diserasikan dengan kebudayaan Barat, sehingga mereka tidak dapat membezakan di antara soal yang bersifat pokok dan ranting lagi, iaitu di antara perkara-perkara penting dan sampingan. **Keempat:** Oleh kerana perbauran yang nyata di antara perkara yang bersifat asasi (aqidah) dan persoalan-persoalan lain, lantaran berlaku perkembangan yang begitu ketara di dalam agama ini. Boleh dikatakan di sini, ajaran sebenar yang dibawa oleh nabi Isa as telah diadaptasi dan boleh digambarkan sebagai agama rekaan pendokong-pendokongnya, dan bukan lagi ciptaan Allah Yang Maha Agung. Keadaan ini jelas melampaui amanah yang telah ditugaskan kepada Nabi Isa a.s. **Kelima:** Hakikat yang berlaku dalam agama Kristian yang melibatkan perkembangan dan pembangunan sifat-sifat asasi dalam sejarah agama Kristian membuktikan dengan nyata bahawa, agama ini masih mencari identiti sebenarnya hingga mereka terpaksa mencantas perkara-perkara yang janggal dalam

¹⁷ Ibid, p124.

agama dan mengangkat perkara-perkara yang bertentangan semata-mata menyelaraskan struktur budaya yang boleh diterima oleh agama. Ringkasnya, pendokong agama ini masih dalam proses pencarian dalam membentuk identiti beragama. Hakikatnya, penganut kristian seolah-olah melakukan satu evolusi zahiriah ke arah yang lebih sempurna dalam memperbaiki agama mereka. Kenyataan ini jelas membuktikan bahawa mereka tidak beriman dengan agama Nabi Isa (a.s) walaupun cuba dizahirkannya, kerana pengikut hari ini lari dari syariat yang dibawa oleh Nabi Isa (a.s). **Keenam:** Hakikat yang tidak dapat dinafikan mengenai status agama Samawi yang diturunkan oleh Allah s.w.t dari langit itu sebenarnya telah meenjalani satu proses penjenamaan semula hasil ramuan pelbagai kepercayaan serta adat orang-orang Yunani kuno, Romawi, Mesir kuno, Farsi kuno, Yahudi dan bangsa-bangsa lain umumnya¹⁸. Adakah agama itu ciptaan manusia? Di sini jelas diperlihatkan kedudukan agama Kristian sebagai kepercayaan tertinggi terhadap Pencipta telah mengikut acuan manusia yang terbatas pemikirannya. Perbuatan, iktikad, dan amalan bidaah (ciptaan) yang dilakukan oleh pendokong dokong agama Kristian telah membuatkan agama ini hilang otentiknya.

Islam sebagai agama yang syumul tampil membawa satu kebenaran sekaligus membuktikan kedudukan Islam sebagai agama wahyu dari Allah (swt) dan bukannya agama ciptaan manusia yang bersifat hamba. Sebaliknya Islam amat berlainan sifatnya jika dibandingkan dengan agama Kristian, meskipun keduanya merupakan agama langit yang diturunkan oleh Allah s.w.t melalui Rasul. Al-Attas menjelaskan bahawa perkara yang merupakan asasi telah diputuskan sejak agama Islam diturunkan kepada Rasulnya yang mulia. **Pertama:** Nama Islam adalah pemberian Allah s.w.t yang termaktub di dalam Al-Quran. Ia bukan pemberian nama oleh Rasulullah s.a.w sebagai nabi bagi agama ini, jauh sekali pemberian yang diberikan oleh penentang-penentang Islam. Islam juga tidak dinasabkan kepada Nabi Muhammad s.a.w seperti agama Kristian yang dinasabkan kepada “Christ” (Nabi Isa a.s). Islam adalah agama yang diiktiraf oleh Allah s.w.t

(sepertimana firmanNya:) إن الدين عند الله الإسلام (سورة آل عمران، الآية 19).

Hal ini berjaya meletakkan kedudukan Islam sebagai agama dari Allah swt dan bukanlah agama yang telah disadur sewenang-wenangnya oleh manusia sendiri. **Kedua:** Nama gelaran bagi penganut agama ini juga tercatat dalam Al-Quran yang mulia, sebagaimana firman Allah s.w.t:

{وَلَا يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَتَّخِذُوا الْمَلَائِكَةَ وَالنَّبِيِّينَ أَرْبَابًا أَيَأْمُرُكُمْ بِالْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ} (سورة آل عمران، الآية 80).

Ini merupakan satu pengiktirafan serta penghormatan dari Allah swt tentang penganut agama Islam hingga dirakamkan di dalam al-Quran. **Ketiga:** Rukun-rukun Islam dan Iman serta cara beribadah, menjadi intipati utama sewaktu timbulnya Islam, dan para pengikut Islam turut dan patuh mempraktikkan apa yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Tiada istilah penyelarasan semula bagi memandangkan ajaran Islam dan budaya masyarakat ketika itu. Islam hadir sebagai agama yang tegas meletakkan syariat, begitu mudah untuk diamalkan serta sempurna dalam apa jua aspek sekalipun. Perselisihan dan perbezaan dalam agama juga hanyalah melibatkan perkara yang ranting dan juz' dan bukanlah melibatkan aqidah sebagaimana aqidah agama kristian yang terlalu rapuh. **Keempat:** Segala amalan yang dilakukan oleh Muslim samada wajib ataupun sunat telah diteladani dari Rasulullah s.a.w dan ianya berdasarkan sumber-sumber Hadith yang mana tidak terdapat warisan sebegini dalam agama Kristian atau agama-

¹⁸ Ibid, pp85-85.

agama yang lain. **Kelima:** Kesempurnaan agama Islam telah ditegaskan oleh Allah s.w.t dalam Al-Quran al-Karim, ianya tidak perlu ditokok tambah atau disempurnakan oleh pendokongnya selepas Rasulullah s.a.w.¹⁹.

Firman Allah s.w.t:

{الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتْمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا} (سورة المائدة، الآية 3)

Setelah mengamati kedua-dua agama Samawi ini yang mempunyai pengikut yang paling ramai di dunia, maka kita dengan aqal dan hati yang tidak teragak-agak akan mengakui kebenaran dan kesahihan serta kebenaran Islam, malahan kita dianggap maju setapak lagi kerana dapat melihat bagaimana Islam membentuk kebudayaan juga kesusasteraan dan seni persuratan, seterusnya mengkaji kelainan corak jika dibandingkan dengan kebudayaan lain khususnya kebudayaan Barat. Mengikut al-Attas, “kebudayaan itu adalah jumlah segala hasil daya cipta insan serta cara-cara menyesuaikan dirinya dengan keadaan dan kehidupannya²⁰. Al-Attas amat menegaskan bahawa Islamlah yang membentuk kebudayaan, dan bukan kebudayaan yang membentuk dan mempengaruhi Islam. Kebudayaan Islam yang wujud adalah hasil pemahaman penganutnya terhadap Islam. Dalam erti kata lain, penganut agama Islam yang berpegang kepada ajaran Islam dan mempraktikkannya dalam urusan kehidupannya, telah menghasilkan dan membentuk kebudayaan Islam itu sendiri.

Mungkin timbul dalam fikiran kita bagaimana Islam yang membentuk kebudayaan dan bukannya kebudayaan yang membentuk Islam! Dan bagaimana pula dengan adat-adat dan pelbagai masalah yang timbul kemudian diserasikan dengan Islam! Bukankah terdapat adat-adat setempat dan kebudayaan tertentu yang mempengaruhi hukum dan fiqh Islam? Persoalan-persoalan inilah yang perlu dijelaskan untuk membezakan bagaimana proses kebudayaan Barat dan Islam dibentuk.


Dalam Islam, peranan aqal dan wahyu amat jelas dan inilah yang membezakannya dengan ajaran agama lain. Peranan aqal dalam Islam amat penting kerana unsur inilah yang telah mengangkat kedudukan manusia di atas muka bumi ini. Namun begitu, peranan aqal tanpa petunjuk wahyu dalam proses pencarian kebenaran akan menemui kebuntuan. Oleh itu, manusia perlu kepada aqal yang menyuluh kepada petunjuk wahyu untuk mencari hakikat agama iaitu “kebenaran”. Maka “wahyu” adalah merupakan ilmu yang mutlaq iaitu “sumber” yang diterima oleh aqal berpandukan petunjuk Ilahi. Manakala hakikat agama (kefahaman yang lahir dari penghayatan seseorang terhadap agama) ialah “ilmu” hasil dari penerimaan aqal. Dalam erti kata lain, maka kebudayaan bukan membentuk agama, tetapi kebudayaan lahir dari kefahaman manusia dari 'hakikat agama' serta penerimaan aqal terhadap wahyu yang disulahi oleh hidayah Ilahi. Dalam hal ini, pengkaji menemukan persamaan idea antara al-Attas dengan Muhammad Qutb, melainkan Muhammad Qutb menggunakan istilah 'hakikat Ilahiah'²¹. Inilah asas pembinaan kebudayaan Islam dan proses melahirkan 'kesusasteraan Islam'.

¹⁹ Ibid, p87.

²⁰ Ibid, p66.

²¹ Muhammad Qutb, 1985, *Manhaj Fann al-Islam (Bahasa Arab)*, Darul al-Syuruk: Mesir, p33.

Carta Di Bawah Mungkin Memudahkan Kita Untuk Memahami Konsep Ini



Setelah kita memahami bagaimana bentuk dan corak kebudayaan Islam dilahirkan, maka sudah nyata kepada kita corak perbezaan di antara kebudayaan Islam dan kebudayaan lainnya di dunia ini. Sekali lagi al-Attas menjelaskan bahawa, kesusasteraan Islam bukan berdasarkan kepada tradisi, tetapi pada wahyu dan ajaran yang bersandarkan kepadanya, atau kepada tradisi dan adat yang bersandar pada Islam serta tidak bercanggah dengannya. Kesusasteraan Islam juga bukan berdasarkan kepada kenyataan falsafah atau renungan aqal oleh ahli falsafah yang tidak disandarkan kepada wahyu. Sebaliknya, renungan aqal oleh ahli falsafah yang berteraskan wahyu adalah merupakan sebahagian dari kesusasteraan Islam. Di dalam Islam, pembawaan gambaran kebenaran ini, dibawa oleh ulama' sejati. Andai kata ada penyair yang berperanan demikian maka dia termasuk dalam golongan ulama' sejati²².

²² Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2001, *passim*, pp124-125.
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved


Maka di sinilah letaknya perbezaan antara penyair dalam Islam dan penyair Barat. Penyair Islam bagaikan lidah yang menyerlahkan kebenaran dan memberi gambaran hakikat kepada masyarakat hasil renungan falsafah yang berdasarkan wahyu. Manakala penyair Barat hanyalah mengilhami sesuatu yang terpisah dari asas wahyu. Hasil karyanya mungkin memiliki mesej yang baik untuk diteladani tetapi masih mempunyai kekosongan dari aspek aqidah sekaligus membezakannya dengan sastera Islam yang dicetuskan hasil pengamatan seorang seniman yang berpegang kepada kebenaran (al Haq).

Tiga Asas Utama Kebudayaan Islam

Al-Attas kemudiannya telah mendatangkan tiga syarat asas yang perlu menjadi sifat untuk menjiwai kebudayaan Islam. **Pertama:** Kebudayaan Islam perlu mempunyai pertimbangan yang saksama antara nilai-nilai kebudayaan dengan kesempurnaan akhlaq dan unsur-unsur kerohanian. Unsur-unsur inilah yang menjadi pertimbangan mereka dalam menyusuri sastera Islam dan tidak menghakimi sastera Islam ini berpandukan akal semata-mata. **Kedua:** Untuk menjayakan konsep kebudayaan Islam ini, usaha yang bersungguh-sungguh oleh individu dan masyarakat untuk diperjuangkan sebagai tujuan hidup. Cita-cita dan tujuan hidup ini perlu merujuk kepada kepentingan dunia dan akhirat. Keseimbangan antara kedua-dua aspek ini akan melahirkan satu sudut sastera yang tidak hanya mementingkan kemajuan suatu aspek tetapi mengabaikan suatu aspek yang lain. **Ketiga:** Seseorang itu perlu memiliki penguasaan alam semulajadi, serta mengaitkannya dengan unsur-unsur rohaniah iaitu menggabungkan penguasaan alam semulajadi ini dengan kefahaman tugas atau amanat yang diamanahkan kepada manusia. Unsur-unsur rohani ini amat perlu kerana melaluinya manusia mampu menterjemahkan karyanya sesuai dengan tugas dan amanatnya sebagai manusia. Mungkin ada persoalan, apa pentingnya unsur-unsur rohani ini dalam kebudayaan Islam? Andainya kita hanya menekankan soal penguasaan alam semata-mata tanpa menyertakan unsur-unsur rohani maka haiwan juga mempunyai kebudayaan mereka sendiri. Umpamanya semut, burung, dan binatang-binatang lain menuturi suatu tujuan tetap bagi mencapai kesempurnaan hidup mereka²³.

²³ Ibid, pp79-80

Konsep Sastera Islam Mengikut Prof Syed Muhammad Naquib Al-Attas



YANG MEMILIKI CIRI-CIRI:

- 1) KEADILAN DAN KESAKSAMAAN.
- 2) TIDAK ADA PERCANGGAHAN ANTARA MAKNA, BUNYI DAN FAHAM.
- 3) MEMPUNYAI UNSUR ROHANI DUNIA DAN AKHIRAT.

Kesimpulan dan Penutup

Konsep yang ditampilkan oleh al-Attas, menampakkan kepada kita tentang “world view” Islam yang difahami oleh beliau sendiri. Beliau tidak menyebutkan sastera Islam secara khusus tetapi apabila membicarakan soal sastera, beliau memaksudkan dengan “sastera Islam”. Bagi beliau, manusia perlu kembali kepada konsep falsafah sastera atau disebut “al-Adab” secara tabii. Al-adab mengikut kefahamannya adalah paduan di antara ilmu dan amal. Ilmu sebagai “pengenalan” dan amal sebagai “pengakuan”. Seterusnya ilmu dan amal ini perlu disandarkan kepada “al-haq” (kebenaran) di atas kacamata keadilan. Beliau kemudiannya merujuk “al-adab” kepada lima peringkat iaitu insan, alam tabii, alam ilmu, alam rohani dan bahasa. Tujuan beliau mengaitkan faham al-adab ini dengan lima peringkat keadaan ini ialah untuk menunjukkan betapa seseorang yang bergelar al-adib (sasterawan) perlu tahu mencernakan faham “al-adab” (iaitu ilmu dan pengakuannya) dengan al-haq (kebenaran), seterusnya melaksanakan di atas kesucian mengikut neraca keadilan terhadap lima perkara yang disebutkan sebelumnya. Al-adib (sasterawan atau orang yang bersastera) mengikut kacamata beliau ialah seorang pendidik kerana dia mampu menggunakan “kefahamannya” mengikut kesesuaian masyarakat di sekelilingnya.

Dalam erti kata lain, apa yang cuba ditonjolkan oleh al-Attas ialah seorang sasterawan (al-adib) memiliki perimbangan jiwa dalam tiga unsur: rohani, jasmani, dan aqal. Dari segi rohani dia memahami tugasnya sebagai hamba Allah dan khalifah Allah di atas muka bumi ini. Dari segi jasmani dia memahami cara hidup dan susunan hidup masyarakat yang melibatkan disiplin, ketertiban, kerjasama, keharmonian, ketaatan kepada hukum dan komitmen kepada keadilan. Manakala dari segi aqalnya, dia tahu menggunakan aqal dengan betul dan mengetahui batas-batas kemampuan aqal dan kekuatannya. Sehingga di atas dasar ini, dia (sasterawan) mengetahui hakikat kewujudan Allah swt dan mengetahui kedudukan insan sebagai makhluk.

Setelah menekankan faham al-adab dan kualiti yang harus dimiliki oleh sasterawan, beliau kemudiannya telah menghuraikan tentang “hakikat ilmu” jika dibandingkan dengan agama-agama lain khususnya Kristian. Padanya, agama selain Islam tidak layak dipanggil “agama” kerana ianya adalah kepercayaan buatan manusia, bukan ketetapan dari Allah s.w.t. Meskipun agama Kristian mendakwa ia adalah agama Samawi (dari langit) tetapi ajarannya mengikut al-Attas telah banyak diubah, bahkan namanya sendiri “Kristian” tidak disebut di dalam kitab Injil, begitu juga dengan lambang salib tidak digunakan oleh Nabi Isa a.s. Justeru itu, hanya Islam berhak dipanggil “agama”. Ajarannya layak untuk dijadikan sumber untuk mencetuskan kebudayaan, pemikiran, falsafah dan segalanya kerana sumbernya adalah mutlaq daripada Allah s.w.t dan bukan buatan manusia atau cetusan daripada kebudayaan-kebudayaan masyarakat lain di dunia. Di sinilah perbincangan penting yang telah dibawa oleh al-Attas: Mengapa Islam membentuk kebudayaan dan falsafah dan bukannya dibentuk oleh kebudayaan dan falsafah itu sendiri? Ini juga menjadi hujjah penting mengapa hanya Islam yang layak melahirkan sastera (sastera Islam) dan tidak agama-agama lain khususnya Kristian²⁴.

Konsep sastera Islam mengikut al-Attas dicetuskan oleh sasterawan yang mana sumber aqalnya adalah wahyu. Dia mendapat hidayah Ilahi dalam penghayatannya terhadap agama Islam, sehingga mencetuskan di dalam dirinya hakikat agama (حقيقة الدينية). Melalui hakikat agama inilah beliau mencetuskan ideanya terhadap apa yang difahami. Sasterawan Islam juga

²⁴ Ini kerana terdapat beberapa golongan yang menentang konsep sastera Islam, memberi hujjahnya andainya Islam cuba untuk menampilkan sastera Islam, maka agama lain juga ingin menampilkan sastera mereka di atas nama Islam.

memahami konsep ilmu dan amal berasaskan kebenaran (al-haq). Seterusnya berasaskan al-haq (kebenaran) seseorang itu menggunakan kefahaman yang berasaskan keadilan terhadap insan, alam tabii, alam ilmi, alam rohani dan bahasa. Hasil dari tindakan dengan lima perkara tersebut akhirnya dia mencetuskan “kebudayaan” yang memiliki ciri-ciri keadilan dan kesaksamaan, tidak melahirkan (al-adab) iaitu sastera yang bercanggah antara makna, bunyi dan kefahaman seterusnya mencetuskan kebudayaan yang mempunyai unsur rohani; dunia dan akhirat. Kesusasteraan beginilah yang dilihat sebagai sebahagian dari kebudayaan mengikut pendapat al-Attas.

Bibliografi

Al-Quran al-Karim

Muhammad Qutb, 1985, **Manhaj Fann al-Islam (Bahasa Arab)**, Darul al-Syuruk: Mesir.

Syed Muhammad Naquib al-Attas, 2001, **Risalah untuk Kaum Muslimin**, ISTAC (*International Institute of Islamic Thought and Civilization*): Kuala Lumpur.

Wan Mohd Nor Wan Daud, 1995, **Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi**, Penerbit Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Internet:

http://id.wikipedia.org/wiki/Syed_Muhammad_Naquib_al-Attas

<http://apit.wordpress.com/2006/07/26/syed-naquib-al-attas-megaprojek-islamisasi-peradaban/>

<http://www.khairaummah.com>